

KAEDAH MENJAYAKAN PELAKSANAAN DINAR EMAS SEBAGAI INSTRUMENWAKAF (THE METHOD OF SUCCESSFUL IMPLEMENTATION OF GOLD AS A WAQFINSTRUMENT)

CHE KHADIJAH HAMID^{1*} & SURITA HARTINI MAT HASSAN²

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Dungun, Malaysia

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Merbok, Malaysia

khadijah_usm@yahoo.com

ABSTRAK

Keghairahan memartabatkan dinar emas di mata masyarakat pernah meletus sekitar 1998-2002 dan beberapa tahun selepasnya. Namun, kini semangat itu kelihatan kian pudar terhadap isu memartabatkan dinar emas tersebut. Maka dengan sebab itu, kajian ini melihat bahawa fenomena sebegini rupa sepatutnya masih segar dibincangkan agar segala perancangan, strategi, cadangan pelaksanaan hasil cetusan-cetusan idea golongan ilmuan khususnya di Malaysia terus diterokai tanpa rasa jemu. Dalam skop yang lebih berfokus kepada amalan wakaf tunai, kajian ini bermatlamat untuk mencadangkan agar penggunaan dinar emas sebagai instrumen wakaf diberi suntikan baharu sebagai salah satu medium berwakaf. Oleh yang demikian, kajian ini berhasrat ingin mencapai dua objektif. Pertama, mengenal pasti kaedah-kaedah yang bertepatan untuk memastikan matlamat menjadikan dinar emas sebagai tercapai. Kedua, merumus kaedah memastikan kekekalan nilai *ain* agar lebih terjamin. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Manakala, pengutipan data didapati hasil temu bual pakar yang dipilih. Seterusnya, data dianalisis menggunakan analisis kandungan. Hasilnya, kajian ini mencadangkan empat kaedah. Pertama, Kaedah Mendesak dan Mempengaruhi Pihak Kerajaan. Kedua, Kaedah Kerjasama R & D *Group Research* dengan Pihak Parlimen. Ketiga, Kaedah Matlamat dan Pilihan Sistem Wakaf. Keempat, Kaedah Gabungan Bidang Profesional dan Bidang Agama. Kemudian, satu kaedah yang telah dikenal pasti agar turut diambil tindakan oleh pihak yang bertanggungjawab ke atas institusi wakaf iaitu Kaedah dan Cadangan Menstabilkan Dana Terkumpul. Kesannya, kaedah-kaedah yang dicadangkan memberi satu suntikan idea yang unik kepada institusi wakaf terhadap kekekalan harta wakaf bagi memastikan amalan tersebut lebih terpelihara.

Kata Kunci: Memartabatkan Dinar Emas, Dinar Emas, Wakaf, Instrumen Wakaf

ABSTRACT

Gold Dinars has gained a great interest from the public in 1998 – 2002 and it continued a few years after. The hype slowly fades as the time passes by. This research study is seen as the right medium for the researchers to spark the interest again; searching for new approaches towards its planning, strategies, and also implementation. The main focus is mainly on the cash waqf practice in which this paper aims to ratify the accountability of gold dinars as one of the medium for waqf practice. So, the researchers have outlined two objectives; to identify reliable methods for gold dinars as waqf practice and to formulate sustainability of gold dinars as waqf practice. This research study adopts qualitative methods whereas the data collection will be collected based on interviews from selected experts in waqf practice. Then, data collected were analysed using content analysis. As a result, this paper proposes four methods;

First, Urgency and Influential Methods on Government. Secondly, Collaboration of R & D Research Group and The Parliament. Thirdly, Waqf Practice Objectives and Options. Fourthly, Collaboration of Professional and Religious Fields. Stabilising Funds Methods and Recommendation has also been identified as one of the approaches which should be practiced by Waqf Institution. Significantly, these proposed approaches serve as a unique idea for the Waqf institution to preserve the perpetuity of the Waqf property and also the practice.

Keywords: Upgrading Gold Dinars, Gold Dinars, Waqf, Waqf Instruments

1. Pendahuluan

Wakaf berasal daripada perkataan arab iaitu *waqf*. Dari segi bahasa wakaf bermaksud menahan (٤٧) (al-Jurjani, 2004: 212; Ibn Manzur, t.t: 359). Manakala dari segi istilah bermaksud menahan *'ain* yang dimiliki oleh pewakaf (*waqif*) serta menyedekahkan manfaatnya. *'Ain* itu akan menjadi milik Allah SWT (al-Jurjani, t.t). *'Ain* yang diwakafkan itu termasuklah haiwan ternakan, tanah, rumah dan sebagainya (Ibn Manzur, t.t). Menurut pandangan sarjana Islam wakaf sebagai suatu bentuk dedikasi harta sama ada secara terang (٣١٧) atau sindiran (٤٧) di mana harta itu ditahan dan matlamatnya diaplikasikan kepada tujuan kebajikan sama ada berbentuk umum atau khusus (Mustofa Al-Khin et al., (1998); Siti Mashitoh Mahmud, 2007). Menurut Asmak Ab. Rahman (2009) wakaf adalah menahan hak pemilikan ke atas harta seseorang hanya manfaat harta tersebut sahaja dimanfaatkan oleh orang lain. Tambah beliau lagi harta yang diwakafkan hendaklah berada dalam keadaan baik, kekal dan tujuan dilakukan adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan memberi kebajikan.

Wakaf tunai pula merupakan salah satu mekanisme pembiayaan wakaf yang dibangunkan sebagai sumber kewangan untuk membangunkan harta wakaf. Instrumen yang terlibat dalam wakaf tunai ialah wang tunai dan bukannya harta atau tanah sebagai pembiayaan, kekayaan dikumpul dan wang digunakan bagi tujuan kebaikan (Hisham Yaacob, 2013). Dapat disimpulkan bahawa wakaf tunai adalah berwakaf menggunakan wang sebagai medium wakaf. Menurut Razali Othman (2015) dan Surita Hartini Mat Hassan (2015) berwakaf menggunakan wang adalah salah satu mekanisme yang semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Islam kerana konsep pembiayaan ini dilihat lebih fleksibel dan memudahkan masyarakat.

Namun begitu, dalam kerancakkan umat Islam terhadap amalan wakaf berbentuk tunai didapati terdapat satu isu penting telah dikenal pasti. Isu yang dimaksudkan berkenaan penggunaan wang itu sendiri, konsep wakaf tunai pada masa ini adalah menggunakan wang *fiat* sebagai mekanisme berwakaf. Persoalan mengenai wang *fiat* ternyata agak rumit, antaranya persoalan mengenai apakah itu duit kertas yang ada di sekeliling kita pada hari ini dan bagaimanakah duit tersebut dicipta? Siapa yang mencetaknya dan atas dasar apakah? (Zaharuddin Abd.Rahman, 2010).

Memandangkan wang *fiat* tidak bersandarkan dengan sebarang nilai *instrinsik*, nilainya pula ditentukan secara apungan dan diuruskan secara *legal tender*. Berdasarkan penelitian terhadap wang *fiat*, terdapat kelemahan yang diutarakan mengenainya. Secara umumnya, sistem wang *fiat* dikemukakan bertunjangkan riba yang dicetuskan melalui sistem perbankan. Dasar penciptaan wang *fiat* menerusi Kaedah Keperluan Perbankan Pecahan Simpanan (KPPS) atau *Fractional Reserves Banking* telah menyumbang kepada persoalan riba dalam wang *fiat* (Razali Othman, 2014). KPPS merupakan amalan di mana bank diwajibkan menyimpan sejumlah rizab tertentu di Bank Pusat dan menggunakan sebahagiannya yang lain untuk memberi pinjaman. Menerusi KPPS bank boleh mencipta wang tanpa had dengan menerbitkan pinjaman atau hutang melalui wang yang disimpan oleh pengguna (Razali Othman, 2014). Keuntungan atau lebihan seperti mana riba

didapati melalui kaedah bank yang mencipta kredit berganda dan wang mengikut kaedah ini juga tidak membolehkan masyarakat menebus dengan emas yang menjadi sandaran (Salmy Edawati Yaacob, 2015).

Secara dasarnya, sistem ini telah menimbulkan ketidakadilan dalam masyarakat berikutan para pemberi modal iaitu pihak bank yang pasti memperolehi keuntungan tanpa mengambil tahu kedudukan peminjam dana tersebut. Sekiranya perniagaan peminjam bermasalah, peminjam harus juga membayar kembali modal yang dipinjamkan daripada pemodal yang ditambah den

Mengambil kira situasi di Malaysia, syarat yang ditetapkan ialah 4 % daripada jumlah simpanan seseorang pendeposit. Justeru untuk memahami dengan lebih jelas tentang proses pinjaman kaedah KPPS atau *Fractional Reserves Banking* dengan lebih mudah, sebagai contoh seperti berikut:

“Katakan kita berada di sebuah negara yang meletakkan 20% sebagai fractional reserves requirement, maka berlakulah seperti di berikut; John menyimpan wang tunai sebanyak RM1,000 di Bank A. Bank A menerimanya dan tidak menggunakan 20% daripada jumlah itu iaitu RM200,00 manakala bakinya sebanyak RM800,00 boleh dipinjamkan. Katakan pula, Encik Umar membeli perabot secara hutang daripada Encik Ali dan ingin meminjam wang daripada bank bagi menyelesaikan hutangnya. Bank memberi pinjaman RM800,00 dengan kadar bunga sebanyak X dalam tempoh 10 tahun. Dengan cara ini, bank berhasrat menambah asetnya. Kemudian, apabila Encik Umar menerima wang itu, dia terus menggunakannya untuk membayar perabot yang dibelinya daripada Encik Ali. Selepas itu, Encik Ali menyimpan hasil jualan perabot tadi di dalam akumannya di Bank B. Jumlah RM800,00 dimasukkan ke bank komersial B. Tatkala itu Bank B mestilah menyimpan 20% daripada itu iaitu RM160. Bakinya sebanyak RM640 akan dipinjamkan kepada pelanggan kepada pelanggan lain dengan kadar bunga juga. Begitulah pusingan wang di semua bank-bank dan peminjam. Katakan berterusan sehingga di Bank K” (Zaharuddin Abd. Rahman, 2010).

Jika dilihat daripada contoh proses KPPS di atas, didapati bahawa setiap seorang yang menyimpan wang di sesebuah bank, maka setiap kali itulah pihak bank mempunyai kuasa untuk mencipta wang melalui pinjaman dengan kadar bunga. Setiap kali itu juga wang *fiat* dicipta melalui kadar bunga dan jumlah wang *fiat* di dalam pasaran bertambah dan membawa kesan inflasi. Dalam pada itu, berlaku pertambahan dan pergandaan wang asal yang disimpan (Zaharuddin Abd. Rahman, 2010). Rentetan pertambahan dan pergandaan yang berlaku, persoalan yang cukup menarik untuk difikirkan ialah bagaimana wang yang asalnya berjumlah RM1,000 telah digandakan sehingga menjadi RM 4,570.05 dalam pasaran? Oleh dicipta, sedangkan tiada orang lain yang menyimpan? (Razali Othman, 2014; Zaharuddin Abd. Rahman, 2010). Berdasarkan logik pemikiran tersebut jelas memperlihatkan bahawa berlaku elemen-elemen riba dalam proses sistem perbankan yang diamalkan terutama dalam proses KPPS dan ditambah lagi dengan penetapan kadar bunga. Memandangkan dalam konteks amalan berwakaf, wang *fiat* menjadi mekanisme bagi wakaf dalam kategori tunai maka sedikit sebanyak kesannya juga terpalit ke atas penggunaannya. Dengan sebab itu, kajian ini cuba mencari alternatif agar medium berwakaf dalam wakaf tunai dapat dilihat dalam konteks penggunaan dinar emas sebagai medium berwakaf. Oleh yang demikian, langkah-langkah awal yang perlu diambil adalah merancang kaedah-kaedah terbaik agar pelaksanaan dinaremas sebagai medium berwakaf dapat direalisasikan. Memandangkan kajian ini mempertimbangkan bahawa dinar emas

memenuhi fungsi wang dan sesuatu logam yang berharga serta mempunyai nilai tersendiri jika dibandingkan dengan wang *fiat* yang mempunyai kelemahan yang jelas sebagai mana yang diterangkan.

2. Metodologi Kajian


Sehubungan dengan itu, bagi memenuhi objektif kajian ini maka pendapat dan pandangan daripada cendekiawan wakaf diambil kira. Kupasan adalah berdasarkan pendapat cendekiawan wakaf yang terdiri daripada tokoh agama, golongan akademik terdiri daripada mereka yang membincangkan tentang wakaf dan dinar emas serta golongan pengamal wakaf. Analisis ke atas cendekiawan wakaf dibuat menggunakan maklumat-maklumat yang diperolehi secara langsung. Mereka yang terpilih sebagai cendekiawan wakaf adalah seramai 7 orang. Bagi menjaga kerahsiaan maklumat informer, perbincangan dalam kajian ini menamakan informer sebagai TA untuk tokoh agama, AA singkat kepada ahli akademik dan PW bagi pengamal wakaf. Misalnya TA001, AA001, PW001 dan seterusnya.

3. Kaedah Berwakaf Menggunakan Dinar Emas

Setelah membuat penelitian rata-rata cendekiawan wakaf yang ditemui, kebanyakan tidak memberikan jawapan secara jelas tentang kaedah dinar emas yang dimaksudkan bagi tujuan berwakaf. Sebagai contoh perkara ini dinyatakan begini oleh PW003, beliau berpandangan begini:

“Saya yakin, perkara ini kalau kita boleh sediakan kemudahan, boleh cipta antara sumbangan dalam bentuk nilai dengan mekanisme itu tadi dinar emas itu dia punya *advance*, dinar emas ini lebih stabil berbanding dengan wang *fiat*, tetapi mekanisme itulah yang saya nampak akan wujud kekangan tetapi kalau kita ingin melaksanakan juga kita perlu ada mekanisme yang betul-betul memudahkan orang menyumbang”

Berdasarkan pernyataan yang dikemukakan oleh PW003, beliau bersetuju bahawa penggunaan dinar emas sebagai medium adalah satu cadangan yang baik. Walau bagaimanapun bagi merealisasikan pelaksanaannya, satu kaedah perlu dicipta. Tambahnya lagi, kaedah tersebut perlulah memudahkan orang ramai untuk berwakaf. Bagi PW003 beliau tidak memberi sebarang bentuk pengkaedahan yang sesuai untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun, AA001 dan PW001 ada menyatakan tentang perkara tersebut. Berbanding PW001, AA001 memberikan penjelasan yang begitu terperinci tentang kaedah-kaedah yang boleh dilaksanakan dan diperbetulkan. Oleh sebab itu, kaedah pertama ini boleh diambil pertimbangan bagi membentuk mekanisme yang dimaksudkan sebelum ini. Kaedah pertama ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Kaedah Mendesak dan Mempengaruhi Pihak Kerajaan Sumber: Analisis Dapatan Kajian

Rajah 1 menunjukkan kaedah mendesak dan mempengaruhi pihak kerajaan mencakupi institusi seperti Bank Negara Malaysia. Kaedah ini adalah antara salah satu cara menggerakkan pihak kerajaan bertindak. Berdasarkan kaedah ini, masyarakat boleh membentuk satu kumpulan yang kecil ataupun kumpulan yang besar iaitu kumpulan tersebut adalah kumpulan yang ingin memartabatkan dinar emas terutama sebagai mekanisme berwakaf. Kumpulan yang berperanan untuk mendesak dan mempengaruhi pihak kerajaan tersebut hendaklah mempunyai hubungan yang kuat dengan pihak kerajaan. Kenyataan ini diutarakan oleh AA001, beliau mengungkapkan begini:

“...kalau yang mempopularkan itu adalah golongan tertentu sahaja yang hubungan dia dengan kerajaan tidak kuat, perkara ini tidak akan jadi popular lah, perkara ini akan lambat tetapi maknanya perkara itu boleh menyeluruh kalau yang mencipta perbincangan *group* ini, *group* yang memartabatkan dinar emas berbincang dengan Bank Negara Malaysia, kemudian pihak Bank Negara Malaysia setuju. Seterusnya pihak tersebut membuat atas nama Malaysia itu lebih baik kesannya”

Daripada apa yang diperkatakan, kepentingan masyarakat mendesak dan mempengaruhi daripada kelompok tertentu adalah menjadi tunjang utama. Sekiranya perkara ini hanya digerakkan oleh individu atau golongan yang tidak berpengaruh kepada pihak kerajaan maka perkara tersebut sukar untuk dilaksanakan dan mengambil masa yang panjang. Membuat perbincangan dengan Bank Negara Malaysia adalah menjadi target utama. AA001 sekali lagi menegaskan pendirian agar perbincangan dengan Bank Negara Malaysia, dengan berkata begini:


“...bagi saya, *group* yang sudah menjalankan perkara itu, memartabatkan dinar emas pihak tersebut perlu berbincang dengan kerajaan Malaysia khususnya Bank Negara Malaysia, yang berhad adalah Bank Negara Malaysia, sebab

Bank Negara Malaysia banyak unit-unit tertentu”

Dengan demikian, adalah penting pihak tertentu yang mempunyai kekuatan dari segi bilangan ahli yang ramai dalam sesebuah pertubuhan ataupun persatuan untuk memberi desakan kepada pihak kerajaan khususnya Bank Negara Malaysia bahawa dinar emas adalah alternatif yang baik bagi menggantikan wang *fiat* dalam amalan berwakaf. Begitu juga, pihak-pihak tertentu juga perlu mempunyai hubungan yang kuat dengan pihak kerajaan. Hal ini kerana, tanpa hubungan yang kukuh seperti pergantungan yang longgar dengan kerajaan menyebabkan dinar emas untuk digunakan dalam amalan wakaf adalah sukar untuk dilaksanakan. Sementara itu, perbincangan diteruskan kepada kaedah kedua. Kaedah ini juga memberi penekanan kepada institusi tertentu yang membuat rangkaian dengan pihak-pihak berwajib terhadap perubahan sesuatu undang-undang dalam sesebuah negara.

Kaedah kedua, dikemukakan dalam Rajah 2. Rajah 2 menunjukkan tentang kaedah kerjasama R & D *Group Research* dengan pihak parlimen. Mengambil kira selain peranan masyarakat, golongan akademik meliputi golongan yang tidak mempunyai kepentingan dalam politik juga adalah kelompok yang sangat berpotensi untuk menggerakkan perkara ini. Hal ini kerana, berdasarkan Rajah 2 adalah menyentuh mengenai kaedah kepentingan kerjasama R & D *Group Research* dengan pihak parlimen. Berhubung perkara ini AA001 menjelaskan begini:

“...yang penting dari segi untuk membuat R & D *Group Research*, sebab biasanya, biasanya kalau di Malaysia ini kan dibawa ke parlimennya, sebelum dibawa ke parlimen, parlimen ada pengkaji-pengkaji ini peringkat itu lah pengkaji itu perlu memahamkan bagi orang Malaysia yang tidak setuju”



Rajah 2. Kaedah kerjasama R & D *Group Research* dengan Pihak Parlimen Sumber: Analisis dapatan kajian.

Pendekatan kerjasama yang dijalankan oleh pihak penyelidik dengan pihak politik adalah penting. Hal ini kerana, pihak penyelidik adalah sebuah institusi yang mempunyai ahli yang berlatar belakang tentang akademik, terutama berkaitan cabang ilmu yang dikaji. Maka, golongan yang bergiat aktif dalam aktiviti politik mempunyai peranan penting dalam mengubah sesuatu. Maka atas dasar tersebut, seharusnya golongan-golongan R & D *Group*

Research ini dijadikan sebagai rujukan utama bagi memastikan sesuatu pelaksanaan tercapai. Pendekatan sebegini adalah antara kaedah yang sesuai digunakan bagi memberikan kesan kepada dasar kerajaan dan pengubalan garis panduan baharu kepada masyarakat. Tindakan tidak berkerjasama dengan pihak berkuasa dikhuatiri memberi kesan jangka masa yang panjang diambil bagi mewujudkan sesuatu perkara, hal ini dijelaskan begini oleh PW001:

“...potensi tetap ada kalau tidak berkerjasama dengan pihak kerajaan, cuma mengambil masa lah kalau di peringkat kita sahaja. Contohnya peringkat akademik sahaja yang menekankan perkara ini tiada ada *effect* melainkan di peringkat pihak yang ada kuasa, di peringkat autoriti”

Peranan pakar iaitu pihak-pihak yang membuat kajian (*research center*) harus dimainkan dengan membuat kerjasama yang kukuh dengan pihak parlimen ataupun dimaksudkan dengan orang politik. Langkah-langkah yang perlu diambil antaranya pihak universiti sama ada badan universiti atau salah satu unit khas yang mengkaji secara mendalam tentang dinar emas sebagai medium wakaf, perlu menyerahkan dapatan kajian kepada orang politik. Seterusnya orang politik tersebut membahaskan dan membincangkan dapatan tersebut di peringkat parlimen. Semasa perbincangan dapatan tersebut, penyertaan turut serta oleh pihak R & D *Group Research* adalah penting kerana kebarangkalian orang politik tersebut untuk mengetahui semua perkara berkaitan kajian tersebut adalah terhad. Dengan sebab itu, sumber rujukan utama tersebut perlu turut serta bagi menjelaskan segala persoalan daripada ahli-ahli parlimen yang lain semasa perkara tersebut dibahaskan. Sehubungan dengan itu, PW001 menekankan begini:

“ Perkara ini perlu dibincangkan secara konsisten, perlu dibahaskan sentiasa apabila sudah konsisten perkara ini akan menjadi kebiasaan, apabila jadi kebiasaan barulah orang akan rasa ada keperluan untuk menukar”

Selain itu, langkah turut serta dalam sebarang perbincangan dengan pihak pemerintah, perkara ini juga memerlukan perbincangan yang kerap ataupun dibahaskan secara berulang kali. Oleh kerana kekerapan perbincangan yang dilakukan, perkara tersebut menjadi kebiasaan dan memberi isyarat (*signal*) kepada pihak kerajaan. Bagi melaksanakan sesuatu pembaharuan terutama membabitkan isu-isu yang saling terkait ini seperti mana wang *fiat* yang mempunyai pergantungan yang kuat kepada kuasa-kuasa besar, maka perkara tersebut adalah memerlukan usaha yang berterusan perlu dijalankan. Selain pengkaedahan menghubungkan antara satu pihak dengan pihak yang lain. Kaedah seterusnya mencakupi strategi sesebuah organisasi terutama yang bertanggungjawab ke atas harta wakaf. Dengan sebab itu, kaedah yang dikemukakan dalam Rajah 3 berikutnya menyentuh perkara berkaitan aspek pemilihan atau matlamat sebenar sistem pelaksanaan wakaf di Malaysia diketengahkan.


Rajah 3 menggambarkan niat untuk mendekati diri dengan Allah SWT dan mendapat reda Allah SWT pada kebiasaannya terpahat di hati seorang pewakaf. Namun, kaedah untuk menyalurkan bentuk sumbangan (*waqf*) adalah terletak di bawah tanggungjawab MAIN. Perkara ini sudah termaktud di bawah perundangan Malaysia. Maka, dengan ini AA001 berpendapat perkara ini tidak hanya terhad kepada MAIN sahaja kerana wakaf seharusnya dilihat dari aspek sebuah entiti yang bersifat komersial seperti sebuah perniagaan, hujah beliau tentang perkara ini adalah seperti berikut:

“...perkara yang harus dijawab adakah wakaf dimasukkan dalam sistem

perbankan sebagaimana bersifat perniagaan atau wakaf hanya dijadikan sebagai entiti sebuah yang tidak bersifat *bisnes*, jadi bukan *bisnes* kalau Majlis sahaja sifatnya bukan untuk *bisnes*”


Maksud AA001 tersebut, perlunya membezakan ilmu perniagaan dengan ilmu wakaf. Hal ini kerana, beliau menyifatkan keadaan yang berlaku begini, kata-kata beliau adalah seperti berikut:

“Sekarang ini yang menjadi masalah bagi saya masalah wakaf itu diuruskan oleh jabatan atau Majlis Ugama, Majlis Ugama ini hanya tahu dari segi menerima wang tetapi dalam waktu yang sama semua orang, orang bercakap wakaf ini dia mesti diniagakan dia tidak professional kemudian dia pun berniaga beli *property*”



Rajah 3: Kaedah matlamat dan pilihan sistem: Wakaf
Sumber: Analisis dapatan kajian

Daripada pernyataan yang dikemukakan, keterbatasan ilmu adalah antara faktor institusi wakaf di Malaysia tidak berkembang pesat berbanding negara lain. Beliau membuat perbandingan dengan mengungkapkan begini: “*umpamanya sebagai contoh di Dubai saya pergi, wakaf di Dubai wakaf adalah is bisnes dia punya slogan waqf is bisnes*”. Dengan sebab itu, perlunya membuat pilihan sama ada pelaksanaan wakaf yang dilaksanakan bermatlamat untuk menjadi sebuah entiti tidak bersifat komersial ataupun bermatlamat komersial yang dimaksudkan. Institusi bertanggungjawab disarankan juga mempunyai kekuatan dari segi latar belakang akademik atau dengan bahasa yang lebih mudah adalah pemantapan ilmu. Justeru, Rajah 4 mengemukakan tentang gabungan antara bidang professional dengan bidang agama sebagai kaedah keempat.



Rajah 4: Kaedah gabungan bidang profesional dan bidang agama

Secara umumnya, Rajah 4 menjelaskan bahawa gabungan dua bidang ilmu yang mencakupi ilmu professional dan ilmu agama adalah perkara yang sewajarnya untuk diketengahkan terutamanya untuk memperkenalkan sesuatu produk wakaf yang baharu yang dinyatakan sebelum ini. Hal ini dinyatakan oleh AA001 ini berdasarkan kata-kata beliau pada peringkat awal seperti berikut:

“...wakaf mesti diselenggara oleh orang-orang yang professional sifatnya, pengalamannya apa orang-orang ekonomi tetapi pengetahuan agama jangan ditinggalkan sebab dari segi ilmu agama itu adalah penting”

Berdasarkan itu, penekanan kepada penyertaan turut serta oleh golongan yang mempunyai ilmu agama adalah penting dilakukan semasa perbincangan sesuatu keputusan berkaitan wakaf diadakan. Penyertaan tersebut dinyatakan penting kerana ketiadaan golongan berlatar belakang ilmu agama akan menyebabkan keterbatasan dalam menentukan sesuatu hukum. Manakala, perkara yang berkaitan operasi diserahkan oleh golongan profesional seperti bidang ekonomi, perniagaan dan sains sosial dalam hal-hal berkaitan urusan tadbir wakaf. AA001 telah menegaskan hal ini dalam pandangannya begini: “*wakaf ini datangnya daripada agama, buku-buku atau kitab-kitab lama memang ditulis dan mempunyai syarat-syarat tertentu*”. Manakala, beliau mengulas dengan lebih lanjut begini:


“...ilmu Islam begitu luas jadinya ilmu-ilmu moden ini katakan ilmu pentadbiran umpamanya tetapi benda itu dalam Islam tidak sebut benda pentadbiran tetapi disebut seperti kata-kata ditakdirkan kamu menerima wakaf, wakaf itu hendaklah diuruskan, maksud diuruskan itu adalah itu kan ilmu pentadbiran”

Oleh yang demikian, kedua-dua golongan yang dimaksudkan ini perlulah berjalan seiring agar sebuah produk baru itu dapat diwujudkan. Gabung jalin kedua-dua ilmu ini amat diperlukan bagi menghasilkan segala perjalanan institusi wakaf agar lebih mantap, bukan sahaja dari segi pengurusan malahan aspek kesediaan dengan ilmu.

Secara dasarnya, penelitian terhadap amalan berwakaf menggunakan dinar emas sebagai medium berwakaf adalah sesuatu cadangan yang baik dan bersesuaian untuk dilaksanakan. Kelangsungan dan kebolehan amalan boleh dilaksanakan sekiranya difokuskan dan diaturkan dengan cara yang betul. Hal ini ditekankan oleh PW003 mengenai kewajaran amalan ini, menurut beliau sebagaimana berikut:

“Saya nampak kalau dapat kita bina satu model *platform*, saya lebih nampak kepada *platform* menstabilkan nilai wang *fiat*, itu lah peranan dinar emas itu diaplikasikan”

Daripada apa yang diperkatakan oleh PW003, keyakinannya adalah begitu tinggi terdapat usaha untuk mencipta satu mekanisme menstabilkan nilai wang *fiat* dalam wakaf tunai. Justeru, lakaran kaedah dan cadangan yang dimaksudkan beliau diterjemahkan dalam Rajah 5. Sehubungan dengan itu, merujuk kepada Rajah 5, didapati bagi memastikan dana yang terkumpul melalui wakaf tunai pada hari ini bebas daripada kelemahan wang *fiat* seperti ketidakstabilan nilai maka satu mekanisme menstabilkan nilai dilaksanakan, perkara ini kerana apabila terciptanya satu mekanisme tersebut maka sudah pasti ia membawa kepada perkara yang lebih baik dan lebih terjamin daripada aspek *maqasid* wakaf. Bagi pihak yang bertanggungjawab mengendalikan harta wakaf *platform* ini dilihat sewajarnya untuk dipraktikkan. Berikut merupakan gambaran yang dimaksudkan:



Rajah 5 : Kaedah pembentukan mekanisme menstabilkan nilai dalam wakaf tunai

4. Kesimpulan

Perbincangan mendapati terdapat empat kaedah yang dikemukakan bagi memastikan cadangan pelaksanaan dinar emas sebagai medium berwakaf dapat direalisasikan, pemaparan kaedah-kaedah tersebut sememangnya sesuatu cadangan yang baik. Tanpa kaedah tersebut perkara ini agak sukar untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun, segala perancangan dan strategi dan kaedah berkesan sebagai mana dicadangkan tidak mustahil pelaksanaan dinar emas sebagai medium berwakaf dapat direalisasikan suatu hari nanti. Kaedah agar pemeliharaan amalan wakaf tunai tersebut agar tidak diganggu gugat oleh isu-isu wang *fiat* bertepatan untuk menjamin *ain* yang lebih berkekalan dalam amalan wakaf tunai yang

diamalkan pada masa ini. Berdasarkan perkara tersebut, kaedah 5 yang dikemukakan dalam kajian ini, memperolehi penemuan awal bahawa satu kaedah menstabilkan nilai wang *fiat* perlu difikirkan. Aplikasi atau kaedah menstabilkan nilai tersebut penting bagi memastikan segala urusan peribadatan umat Islam lebih terjamin.

Rujukan

- Al-Jurjani, Ali bin Muhammad al-Sayid al-Syariff (2004), *Mu'jamal-Ta'rifat (Tahqiq) Muhammad Sadiqal-Minsyawi*. Kaherah: Dar al-Fadilah.
- Asmak Ab Rahman (2009). *Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya Di Malaysia*. Dlm Jurnal Syariah, Jil. 17, Bil. 1 2009, 113-152
- Hisham Yaacob (2013). *Waqf History And Legislation In Malaysia: A Contemporary Perspective*. Dlm Journal Of Islamic and Human Advanced Research, Vol 3, Issue 6, Month 2013, 387-402.
- Ibn Manzur, Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukram al-Afriqi al-Masri (t.t.). *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar Sadir.
- Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji (1998). *Kitab Fikah Mazhab Syafie (Jilid: 5): Menghuraikan bab wakaf, wasiat dan faraid*. Kuala Lumpur: PustakaSalam.
- Razali Othman (2014). *Penggunaan Wang Sebagai Instrumen Wakaf Tunai: Satu Kajian Teoritis*. Tesis Doktor Falsafah, tidak diterbitkan, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.
- Razali Othman. (2015). *Wakaf tunai: Sejarah, amalan dan cabaran masa kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Salmy Edawati Yaacob (2015). *Hukum Penggunaan Wang Kertas: Analisis Berdasarkan Pandangan Ulama Terhadap Fasa Perubahan Mata Wang Dunia*. Dlm Jurnal Isu Syariah & Undang-undang Siri 19.
- Siti Mashitoh Mahamod (2007). Pembentukan dana wakaf menurut perspektif syariah dan undang-undang serta aplikasinya di Malaysia, *Jurnal Syariah*, 15:2 (2007) 61-83.
- Surita Hartini Mat Hassan. (2015). *Potensi dinar emas dalam wakaf tunai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Zaharuddin Abd. Rahman (2010). *Keingkar Menempah Ancaman Riba Isu Kewangan Semasa*. Selangor Darul Ehsan: Tihani Cetak Sdn. Bhd.